

# Kelantan perlu pembangkang

Oleh AMINUDDIN IBRAHIM

ALOR STAR, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini berkata Dewan Undangan Negeri Kelantan perlu mempunyai pembangkang untuk menegur kerajaan negeri.

Katanya, Kerajaan Negeri Kelantan kini adalah satu-satunya kerajaan negeri yang tidak mempunyai pembangkang.

"Kalau kita tidak mempunyai pembangkang, kemungkinan kita menyeleweng adalah amat besar," katanya kepada pemberita ketika menghadiri Hari Ucapan dan Penyampaian Hadiah, Kolej Sultan Abdul Hamid, di sini, hari ini.

Beliau berkata, ketiadaan pembangkang dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan itu adalah satu keadaan yang tidak sihat.

Perdana Menteri berkata demikian ketika ditanya sama ada Umno perlu meletakkan calonnya dalam pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Limbungan dan Sungai Pinang di Kelantan, tidak lama lagi.

Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) menetapkan 12 Ogos sebagai hari penamaan calon dan 24 Ogos hari pengundian jika ada pertandingan di kedua-dua kawasan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Umno sudah menentukan prinsip bagi perlantikan calon untuk pilihanraya kecil berkenaan, tetapi belum menentukan calon

yang akan diumumkan kelak.

Sambil menyatakan bahawa prinsip itu dipersetujui oleh Umno Kelantan, beliau berkata: "Prinsip yang kita pegang ialah keikhlasan kita membuat sesuatu, iaitu tidak mungkir janji dan kita juga tidak tamak. Kita pegang kepadaimbangan dunia dan akhirat."

Ditanya peluang memenangi kedua-dua pilihanraya kecil itu, Perdana Menteri berkata, ada kemungkinan akan menang.

"Tetapi kita mengakui bahawa umumnya rakyat Kelantan tidak begitu senang dengan Umno. Itu tak apalah, satu hari nanti saya yakin mereka akan kaji semula pendirian mereka. Bagi kita ialah untuk meneruskan janji yang dihuat," katanya.

Beliau berkata, Umno akan membuktikan kepada rakyat Kelantan bahawa kehadiran parti itu di negeri berkenaan untuk menentukan pembangunan, kerharmonian dan kebendaan.

Perdana Menteri berkata, yang menjadikan keadaan di Kelantan tidak sihat ialah kerajaannya yang tidak mempunyai pembangkang sama sekali, dan menyebabkan mereka tidak pernah ditegur.

Sebagai contoh, katanya, walau bagaimana baik seseorang itu, lama-lama dia akan membuat benda yang salah juga.

Menurutnya, walaupun penyertaan

Umno dalam pilihanraya di kedua-dua DUN di Kelantan itu tidak boleh menubuhkan kerajaan, tetapi ia penting untuk bersuara dalam dewan bagi keadilan rakyat.

Datuk Seri Dr Mahathir juga mendedahkan ada di antara wakil rakyat Pas dan Semangat 46 di Kelantan kini dalam ketakutan berbuat sesuatu yang tidak digemari pemimpinya.

Sehubungan itu, mereka tidak akan membuat teguran apa juga kesalahan yang dilakukan oleh pemimpin mereka kerana takut disingkir.

Ditanya sama ada berlaku perubahan di Kelantan setelah dipimpin oleh Pas sejak pilihanraya umum Oktober lalu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Mungkin ada mungkin tidak, kita tahulah dan terpulanglah dalam pilihanraya nanti untuk kita mendapat maklumat terhadap kesan perubahan yang dilakukan."

Mengenai pendaftaran MIC mungkin dibatalkan kerana tindakan parti itu menanggunghkan perhimpunan agung tahunannya, Perdana Menteri berkata, itu soal undang-undang yang perlu diambil oleh pihak pendaftar.

Langkah itu adalah sama seperti yang dialami oleh Umno yang terpaksa diharamkan mengikut undang-undang.

Bagaimanapun, beliau yakin MIC akan mengambil tindakan supaya ia tidak diharamkan.